



KHAR dan INASIS Bank Rakyat UUM Perkuh Jaringan Strategik antara Dua Institusi

Tanjong Malim, 9 April - Kolej Harun Aminurrashid (KHAR), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan program KHAR Convergence: Leadership Exchange 2.0 sebagai inisiatif memperkukuh pembangunan kepimpinan mahasiswa secara holistik.

Program ini berlangsung di Pusat Aktiviti Warga Emas, Tanjong Malim (PAWE) serta di Dewan Harun Aminurrashid, UPSI dengan penglibatan strategik delegasi JKPSRS INASIS Bank Rakyat, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Penganjuran ini mencerminkan kesepaduan aspirasi antara kedua-dua institusi dalam melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segi intelektual, sahsiah dan kepimpinan. Kehadiran delegasi UUM turut memperluas interaksi rentas institusi melalui perkongsian wacana ilmiah, amalan terbaik serta pembinaan jaringan strategik yang mampan. Pengisian program dimulakan dengan aktiviti CSR bersama warga emas melalui senamrobik dan sukaneka secara interaktif dan mesra peserta.

Seminar Antarabangsa Pascasiswazah Pendidikan Islam Perkuh Jaringan Akademik UPSI-Indonesia

Tanjong Malim, 8 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengorak langkah memperkukuh jaringan akademik antarabangsa menerusi penganjuran Seminar Antarabangsa Pascasiswazah Pendidikan Islam oleh Insitut Penyelidikan Tahfiz & Turath Islami (i-Furqan) dengan kerjasama Institut Agama Islam Nahdlatul Ulama' (IAINU), Kebumen, Indonesia.

Program yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan Tunku Bainun ini menghimpunkan para sarjana, pensyarah dan pelajar dari Malaysia serta Indonesia dalam usaha memperkasa budaya penyelidikan serta memperluas jaringan keilmuan dalam bidang

Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan fizikal dan emosi warga emas, malah menyemai nilai empati, keprihatinan sosial dan tanggungjawab sivik dalam kalangan mahasiswa.

Program kemudiannya diteruskan di Dewan Harun Aminurrashid dengan ucapan wakil kolej, sesi taklimat korporat yang memperincikan profil organisasi serta struktur pentadbiran, diikuti sesi dialog dua hala yang memfokuskan pembangunan kemahiran insaniah, kepimpinan mahasiswa dan cabaran semasa generasi muda. Kemuncak program diserikan dengan penyampaian cenderamata kepada wakil delegasi serta sesi fotografi sebagai simbol penghargaan dan pengukuhan hubungan antara kedua-dua institusi.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya menjadi platform strategik dalam memperkukuh sinergi antara institusi serta melahirkan pemimpin mahasiswa yang berintegriti, berdaya saing dan berkeupayaan tinggi dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Pendidikan Islam.

Seminar ini turut disertai oleh delegasi seramai 19 orang dari IAINU Kebumen yang terdiri daripada pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar. Sebanyak enam pembentangan ilmiah telah diketengahkan, merangkumi perkongsian hasil penyelidikan terkini oleh pensyarah dan pelajar dari kedua-dua institusi. Antara pembentang yang terlibat termasuklah Dr. Samsuddin Abd Hamid, Dr. Mohamad Zarkhuan Zainol dan Encik Ah-Luqman Al-Hakim Che' Zahari dari UPSI, manakala AINU Kebumen diwakili oleh Dr. Atim Rinawati dan Dr. Maryanto.



UPSI, ATU jalin kolaborasi pembangunan sumber manusia ketenteraan

Tanjong Malim, 9 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjalin kolaborasi strategik dengan Akademi Tentera Udara (ATU) Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi memperkukuh pembangunan sumber manusia ketenteraan yang merangkumi aspek pendidikan, latihan pedagogi serta kebolehpasaran anggota. Berita Malaysia

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata, universiti itu menawarkan kepakaran dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan etnik dan latihan profesional.

"UPSI menawarkan kursus bahasa Etnik di negara ini termasuk bahasa Semai, malah kami mempunyai pakar serta pensyarah daripada komuniti Orang Asli sendiri.

"Justeru, usaha TUDM merekrut belia Orang Asli dalam

bidang teknikal atau kejuruteraan membolehkan kami membantu dari segi latihan asas atau penyediaan kursus khas yang bersesuaian," katanya di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Tanjong Malim hari ini.

Beliau menambah bahawa kerjasama itu turut membuka ruang kepada pelaksanaan program Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) bagi memberi peluang kepada anggota TUDM menukar pengalaman kerja kepada kelayakan akademik.

"Anggota yang mempunyai pengalaman bertahun-tahun boleh menukarkan pengalaman tersebut kepada kredit akademik untuk memperoleh diploma atau Ijazah. "UPSI juga mencadangkan pelaksanaan latihan keusahawanan digital bagi membantu anggota tentera membuat persediaan awal sebelum tamat

perkhidmatan" jelas beliau.

Sementara itu, Komandan ATU TUDM, Kolonel Nurul Amir Othman berkata, fokus utama akademi tersebut ialah meningkatkan penyertaan belia Orang Asli dalam TUDM, khususnya dalam bidang teknikal seperti teknisyen pesawat, pembantu juruteknik dan kru udara.

"Kami melihat program ini sebagai satu peluang besar namun penyertaan masih rendah ketika ini dan memerlukan sokongan pelbagai pihak termasuk institusi pendidikan.

"Kolaborasi ini dilihat mampu memperkukuh sinergi antara institusi pendidikan dan ketenteraan dalam melahirkan modal insan berkualiti, berdaya saing serta bersedia menghadapi cabaran masa hadapan negara." katanya.



Tanjong Malim
Naib Canselor bersama TNCEPA berkesempatan menyantuni beberapa majlis di bumi Perak



Bidor
Program Pemantapan SPM Matematik



Tanjong Malim
Pelajar Kolej Komuniti Cungkil Kemahiran melalui Program Rekreasi Pelancongan di UAP, UPSI



Tanjong Malim
Lawatan Penanda Aras Prauniversiti SMKA Tok Bachok ke UPSI